

# PM SERU ANGGOTA POLIS TERUS KUKUHKAN KEAZAMAN

KUALA LUMPUR 24 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru semua pegawai dan anggota polis supaya terus memperkukuhkan keazaman untuk meningkatkan disiplin, mutu perkhidmatan dan kecekapan selaras dengan matlamat mewujudkan perkhidmatan awam yang bersih, cekap dan amanah. Perdana Menteri juga mengingatkan tentang perlunya pihak polis dan orang awam membentuk persefahaman yang jitu dalam usaha untuk membina sebuah masyarakat dan negara yang bersatu padu, aman dan makmur. Beliau menyatakan demikian dalam perutusannya sempena sambutan ulangtahun ke-181 pasukan Polis Diraja Malaysia yang bertemakan "kesetiaan kepada profesion". Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau merasa bangga kerana pasukan polis terus berjaya memperlihatkan kemampuan dalam peranannya sebagai penguatkuasa utama undang-undang negara di samping membantu memelihara ketahanan nasional. Perdana Menteri berkata, "kesetiaan kepada profesion" yang menjadi tema sambutan ulangtahun pasukan polis kali ini juga bermakna kesetiaan kepada pasukan. "Kesetiaan kepada pasukan amatlah penting

kerana semangat ini jika telah tebal disemai dalam sanubari, kita akan sanggup berkorban walau nyawa sekalipun," ujarnya. Beliau berkata, pihak polis sangat memerlukan kerjasama orang ramai kerana ia menghadapi berbagai cabaran dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Datuk Sri Dr. Mahathir yakin orang ramai akan terus memberikan sokongan, kerjasama dan keyakinan mereka kepada pasukan polis. "Sesungguhnya segala jasa,

sumbangan dan khidmat bakti setiap pegawai dan anggota polis akan tetap dikenang dan disanjung tinggi oleh rakyat," ujarnya.

Ketua Polis Negara Tan Sri Haniff Omar dalam perutusannya pula berkata, dalam menuju ke arah pengukuhan profesionalisme, pasukan polis memerlukan pegawai dan anggota yang setia kepada pasukan yang sanggup sehidup semati, sanggup berkorban apa saja dan meletakkan kepentingan pasukan di atas.

Katanya, atas matlamat inilah beliau telah memilih *kesetiaan kepada profesion* sebagai tema sambutan Hari Polis tahun ini.

Menurutnya, semangat kesetiaan kepada profesion ini akan disemarakkan di kalangan setiap peringkat pegawai dan anggota polis dalam usaha pasukan untuk meningkatkan prestasi disiplin pasukan polis pada keseluruhannya.